



TARIKH	SELASA, 10 DISEMBER 2019
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	AMARAN CUACA BURUK DI PAHANG, JOHOR
M/S	12
BIDANG	MESTECC
KATA KUNCI	MET MALAYSIA, FLOOD

Amaran cuaca buruk di Pahang, Johor

Beberapa daerah diramal terima hujan lebat berterusan

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Mohd Zulkifli Zainuddin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) mengeluarkan notis Amaran Cuaca Buruk di beberapa daerah di Pahang dan Johor sehingga hari ini.

Daerah terbabit adalah Rompin, Pahang dan Mersing serta Kota Tinggi, Johor yang dijangka mencapai tahap hujan lebat berterusan.

Selain itu, notis Amaran Cuaca Waspada untuk tempoh sama turut dikeluarkan bagi Kuantan dan Pekan, Pahang serta Segamat, Kluang, Pontian, Kulai dan Johor Bahru, Johor.

Peringkat waspada memabitkan hujan lebat berterusan yang dijangka berlaku dalam tempoh satu hingga tiga hari lagi atau hujan berterusan sedang berlaku, tetapi belum mencapai tahap hujan lebat berterusan.

MetMalaysia memaklumkan, angin kencang yang bertiup 40 hingga 50 kilometer/jam dengan ombak mencapai 3.5 meter dijangka melanda perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur dan Sarawak dalam tempoh berkenaan.

"Kejadian ini boleh mendatangkan risiko limpahan air laut di pesisir pantai dan muara sungai kawasan terbabit," katanya.

Sementara itu, keadaan banjir di Kelantan pulih sepenuhnya selepas 66 mangsa terakhir di dua pusat pemindahan sementara (PPS) di Pasir Mas dan Tumpat, ditutup semalam.

Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Kelantan, Zainuddin Hussin, berkata PSS di Sekolah Kebangsaan (SK) Bakong, Pasir Mas yang menempatkan 50 mangsa terakhir ditutup pada jam 10 pagi semalam, manakala SK Pengkalan Kubor 2



Dua pusat pemindahan sementara dibuka sejak semalam di SK Teluk Ramunia memabitkan penduduk Kampung Baharu, Changi dan Jumis Bukit Raja, Kota Tinggi. (Foto Ihsan APM)

(16 mangsa terakhir) ditutup sejam kemudian.

Beliau berkata, gelombang pertama banjir bermula 29 November dan berakhir semalam memabitkan sembilan daerah dengan 18,683 mangsa keseluruhan dan 100 PPS dibuka.

"Pasir Mas menjadi daerah paling teruk apabila 10,654 mangsa daripada 4,126 keluarga dipindahkan di 31 PPS.

"Walaupun banjir di negeri ini pulih sepenuhnya, seluruh jentera penyelamat banjir masih diletakkan dalam keadaan siap siaga berikutan Monsun Timur Laut masih belum tamat.

"Tambah pula, gelombang kedua banjir dijangka berlaku pada 25 Disember ini," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Walaupun banjir di negeri ini pulih sepenuhnya, seluruh jentera penyelamat banjir masih diletakkan dalam keadaan siap siaga berikutan Monsun Timur Laut masih belum tamat.

Zainuddin Hussin, Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Kelantan

Beliau berkata, walaupun paras Sungai Golok di Rantau Panjang ketika ini masih pada paras berjaga-jaga dengan bacaan 7.79 meter, ia menunjukkan trend menurun.

"Dalam keadaan musim tengkujuh belum tamat, saya menasihatkan masyarakat sentiasa peka keadaan sekeliling dan situasi semasa, terutama di kawasan rendah.

"Mereka juga perlu patuh arahan berpindah dikeluarkan pihak berkuasa dengan segera supaya proses pemindahan dapat berjalan lancar tanpa masalah.

"Penduduk yang meninggalkan rumah atau berpindah ke PPS jika berlaku banjir nanti juga perlu menutup bekalan elektrik utama bagi mengelak perkara buruk berlaku," katanya.

DISEDIAKAN OLEH	1-MOHD SHA AFFANDI BIN MD ARIPI (N41), BPM 2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM
-----------------	--